

15 NOV 1998

APEC-BERITA-MIYAZAWA LEAD

AS MAHU URUSKAN PELAN MIYAZAWA PLAN, KATA MAHATHIR

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Amerika Syarikat yang sebelum ini menentang usaha-usaha Jepun untuk membantu ekonomi-ekonomi Asia yang terjejas di luar skop Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), kini kelihatan berminat untuk menguruskan Pelan Miyazawa, pakej rangsangan fiskal yang dicadangkan oleh Tokyo kebelakangan ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir, ketika mendedahkan pendirian Amerika yang sering berubah-ubah itu berkata, sebelum ini mereka adalah pihak yang menentang cadangan awal Jepun itu bagi pakej penyelamat bernilai AS\$100 bilion untuk negara-negara Asia yang menghadapi masalah ekonomi.

"Saya dengar AS mahu menguruskan dana itu dengan caranya sendiri," kata Dr Mahathir kepada sidang akhbar selepas merasmikan sidang kemuncak Majlis Penasihat Perniagaan Apec (Abac) di sini, hari ini.

Jepun adalah penyumbang utama kepada sebahagian besar daripada dana bagi IMF dalam membantu ekonomi-ekonomi yang tertekan terutama Indonesia, Korea Selatan dan Thailand.

Bagaimanapun, Amerika Syarikat hanya memainkan peranan yang retorik daripada memberi bantuan sebenarnya dan kadang-kadang menyekat negara lain daripada memberi bantuan, kebanyakannya kepada negara yang kekurangan modal.

Seorang pegawai Jepun berkata di acara sampingan mesyuarat Apec di sini semalam bahawa Inisiatif Miyazawa, pakej bernilai AS\$45 bilion untuk membantu memulihkan ekonomi-ekonomi Asia yang terjejas berikutan krisis ekonomi, akan dilaksanakan sejajar dengan prinsip penerimaan meluas.

Ia akan mengambil masa kira-kira dua tahun untuk dilaksanakan sebaik sahaja keperluan negara-negara terbabit ditentukan, tetapi pegawai itu menyatakan Jepun tidak akan menguatkuasakan syarat-syarat yang hanya akan memburukkan keadaan di negara-negara itu.

Dr Mahathir berkata apabila sesebuah negara menawarkan bantuan untuk membantu Malaysia pulih daripada krisis itu, Malaysia tidak akan mempersoalkan motif di sebaliknya.

"Apabila seseorang menawarkan bantuan, kita tidak akan mempersoalkan sama ada (bantuan) itu bermotifkan politik atau tidak," katanya.

-- BERNAMA

AD ZK MA